

DASAR KERAJAAN TENTANG PELABURAN ASING DIBINCANG

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membincangkan dasar kerajaan terhadap pelaburan asing dengan 60 eksekutif kanan syarikat-syarikat perniagaan antarabangsa.

Dalam pertemuan satu setengah jam itu yang berlangsung di sebuah hotel terkemuka di sini, Perdana Menteri menjelaskan pendirian kerajaan terhadap pelabur-pelabur asing dan peluang-peluang yang terdapat di negara ini.

Peserta rundingan tertutup itu terdiri dari eksekutif-eksekutif 45

buah syarikat perniagaan multinasional dari Amerika Syarikat, Eropah, Australia dan Jepun.

Mereka mewakili berbagai bidang industri termasuk barang-barang pengguna, pengeluaran elektronik, perlombongan, kimia, industri berat dan teknologi tinggi.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu satu sidang akhbar, beliau menerangkan pendirian negara ini, dasar-dasar kerajaan, sekatan dan peluang-peluang yang boleh direbut oleh firma-firma luar negeri.

"Saya juga memberi jaminan kepada mereka tentang kestabilan nega-

ra pada masa ini dan masa hadapan yang dijangka terus kukuh," kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, beliau juga menjelaskan tentang Dasar Ekonomi Baru termasuk dasar dan pelaksanaannya serta sebab-sebab kerajaan mewujudkan Akta Penyeragaman Perindustrian.

"Mereka juga mengemukakan pertanyaan tentang dasar dan pendirian kerajaan selepas tamat tempoh DEB pada tahun 1990.

"Saya menerangkan kepada mereka kedudukan pendirian dan harapan kerajaan," tambah beliau. Perdana Men-

teri, bagaimanapun, enggan mengulas lebih lanjut.

Pengerusi mesyuarat tersebut, Encik I.B. Thomsen, yang juga Pengerusi Goodyear International, berkata pertemuan itu diadakan bagi membolehkan pelabur-pelabur luar negeri mengetahui dengan lebih mendalam peluang-peluang pelaburan yang terdapat di Malaysia.

Mesyuarat itu dianjurkan oleh pertubuhan Business International, sebuah badan bebas yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan maklumat pengurusan profesional kepada firma-firma yang menjalankan perniagaan di peringkat antarabangsa.